

11 AUG 1998

PDS (Laporan Khas)

KONGRES KEEMPAT PDS PALING PENTING BAGI KADAZANDUSUN

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 11 Ogos (Bernama) -- Kongres keempat Parti Demokratik Sabah (PDS) di sini Jumaat ini mungkin yang paling penting bagi parti itu sejak penubuhannya empat tahun lepas.

Ia penting bukan hanya kerana Presidennya Tan Sri Bernard Dompok sekarang adalah Ketua Menteri Sabah tetapi kerana PDS kini mempunyai tugas untuk mengemudi mekanisme "kongsi kuasa" yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional (BN).

Ia juga amat penting kerana PDS, komponen kedua terbesar parti BN Sabah, dilihat sebagai faktor utama untuk membawa bumiputera bukan Islam Sabah, terutamanya Kadazandusun, menyertai BN sepenuhnya.

Sokongan masyarakat itu terhadap BN kelihatan semakin kukuh kebelakangan ini, hasil kejayaan pelaksanaan sistem giliran yang membolehkan wakil daripada tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera Bukan Islam -- berkhidmat secara bergilir sebagai Ketua Menteri bagi tempoh dua tahun.

Penggal bagi Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang tamat pada akhir Mac tahun depan.

Untuk mendapatkan sokongan Kadazandusun, BN bergantung sepenuhnya kepada PDS, parti komponen BN Kadazandusun, kata pemerhati.

Apa yang terjadi pada pilihan raya Parlimen 1995 sudah berlalu, kata Anggota Dewan Undangan Negeri PDS bagi kawasan Kiulu, Gisin Lombut.

"Kita perlu bersatu untuk menghadapi cabaran yang akan datang -- pilihan raya umum negeri. Jika pemimpin-pemimpin masyarakat boleh bekerjasama dan memberi keutamaan kepada kepentingan orang ramai daripada kepentingan sendiri, pilihan raya itu boleh dimenangi."

Beliau juga berkata pemerintahan oleh satu parti tidak lagi boleh berjaya di Sabah.

"Ambil Sarawak sebagai contoh, sistem pelbagai partinya berjalan lancar dan mereka berjaya memenangi semua kerusi pada pilihan raya negeri lepas," katanya.

Gisin, bekas Setiausaha Politik kepada bekas Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan, berkata pengalaman Sarawak merupakan bukti jelas mengenai keyakinan Bumiputera bukan Islam terhadap BN.

PDS yang mempunyai 11 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri sekarang, merupakan parti kedua terbesar dalam gabungan itu selepas Umno yang mempunyai 21 kerusi. Parti-parti komponen BN negeri yang lain ialah Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Akar Bersatu, Parti Demokratik Liberal (LDP), MCA, Gerakan and MIC. Tiga yang terakhir itu tidak diwakili dalam Dewan Undangan Negeri Sabah.

Sebagai persediaan bagi pilihan raya negeri, Dompok memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kongres parti itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara isu-isu penting yang dijangka dibincangkan dengan panjang lebar pada kongres yang akan dihadiri 2,000 anggota perwakilan itu ialah pentingnya kaedah berkongsi kuasa dalam masyarakat berbilang kaum.

Menurut penganalisis, kerajaan BN terutamanya Umno telah menunaikan janjinya menggilirkan jawatan Ketua Menteri dan kini tanggungjawab itu terletak pada masyarakat Kadazandusun dalam memberikan mandat yang kukuh kepada BN.

"Kita harus ingat bahawa kestabilan asas ekonomi dan politik kita banyak bergantung kepada perpaduan semua bangsa dalam negara ini," kata

seorang pemimpin masyarakat, Lutylydia Kuntong dari Tambunan.

"Kita tidak mahu masyarakat kita ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Jadi PDS sebenarnya bergerak mengikut landasan yang betul," katanya.

Dompok kini memikul tanggungjawab berat bagi menyebarkan lebih lanjut mengenai politik secara rundingan daripada politik secara konfrontasi, kata seorang anggota parti.

Tidak dinafikan Dompok telah memimpin masyarakat Kadazandusun mencapai kemajuan tertentu, seperti mensyaratkan agar bahasa Kadazandusun diajar di sekolah-sekolah rendah di Sabah buat pertama kalinya, yang beliau perjuangkan selama dua setengah tahun selepas PDS menyertai BN.

"Ini merupakan kemenangan bagi masyarakat Kadazandusun secara keseluruhannya. Ia menunjukkan bahawa BN benar-benar mengambil berat terhadap diri kita. Apa yang dulunya hanya impian, kini menjadi kenyataan," kata Iyan Balantis, 28, seorang guru sekolah rendah.

Penubuhan Dewan Perniagaan dan Industri Kadazandusun (KCCI) juga merupakan satu lagi perkara penting bagi masyarakat ini.

"Sabah tidak mampu menghadapi satu lagi konfrontasi politik. Kami mahu pembangunan politik yang membina bagi membolehkan kita memberi tumpuan untuk menangani masalah yang dihadapi orang ramai," kata Dompok yang merupakan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Moyog.

"Cabaran terbesar kini ialah untuk kekal bersatu dan memberi sokongan terhadap usaha-usaha pemimpin negara memperbaiki ekonomi. Jika kita tidak boleh bersatu dan bekerjasama untuk menangani masalah ekonomi, tidak ada orang lain boleh membantu kami," katanya.

-- BERNAMA

NT RHM MAI